

**PERSIDANGAN
PARLIMEN
BELIA MALAYSIA**

PERSIDANGAN PARLIMEN BELIA MALAYSIA

LATAR BELAKANG

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia telah bersetuju supaya dilaksanakan **Makmal Transformasi Pembangunan Belia** sebagai satu usaha untuk mengenali serta memahami keperluan sebenar generasi Y di negara ini. Makmal yang dilaksanakan pada **1 November 2010 hingga 10 Disember 2010** telah menghasilkan enam (6) inisiatif transformasi yang dilihat wajar untuk dilaksanakan khususnya untuk menjadikan generasi Y sebagai fokus utama pembangunan belia negara. **Parlimen Belia Malaysia (PBM)** merupakan salah satu daripada enam (6) inisiatif transformasi tersebut.

OBJEKTIF

- 1** **Meningkatkan Pengetahuan**
Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan negara jangka masa panjang 
- 2** **Pendedahan kepada belia**
Sebagai pendedahan kepada belia dalam mendalami bagaimana proses undang-undang digubal serta memahami sistem pentadbiran 
- 3** **Mengenalpasti trend belia**
Mengenalpasti 'trend' belia untuk disesuaikan dengan pembentukan dasar pentadbiran negara 

KAEDAH/PROSES PEMILIHAN AHLI PARLIMEN BELIA


Warganegara Malaysia
Berumur 18 – 25 tahun semasa memohon
Memiliki kualiti kepimpinan, kebolehan berbahas, serta penglibatan dan hubungan aktif dalam program komuniti
Berpengetahuan luas dalam isu-isu setempat, sosial, ekonomi dan antarabangsa
Tiada rekod jenayah
Tidak muflis
Berdaftar dengan system pemilihan Ahli Parlimen Belia Malaysia (e-PBM)
Mewakili negeri seperti yang tertera di dalam kad pengenalan (MyKad)
Mempunyai 5 orang penyokong yang berumur 15-25 tahun dari negeri yang ingin diwakili. (penyokong mestilah beralamat di negeri yang sama dengan calon berdaftar)

KUMPULAN SASAR

PBM berperanan sebagai **platform untuk belia menyuarakan idea dan pandangan**. Pewujudan PBM ini hampir **menyamai Parlimen Belia di 33 buah negara** seperti kebanyakan negara-negara maju dan membangun. Antaranya seperti Australia, United Kingdom, New Zealand, Timor Leste, Filipina, Bangladesh dan di beberapa Negara Eropah.

APBM juga turut dilibatkan dengan **program-program belia diperingkat Nasional dan Antarabangsa** sebagai sebahagian daripada **pendedahan dan perkongsian** pengalaman bersama belia-belia di pelbagai peringkat.

KAEDAH PELAKSANAAN



Persidangan Parlimen Belia Malaysia (PBM) diadakan sebanyak **tiga (3) kali setiap tahun** (*bergantung pada kekuatan kewangan*) . **Sejumlah usul yang telah dicadangkan dan diundi akan dibawa untuk dibahaskan pada Persidangan** akan berlangsung pada tarikh yang telah dipersetujui oleh pihak Parlimen Malaysia.

Selain daripada persidangan, Ahli-ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) turut terlibat dalam melaksanakan **Program Pembangunan Belia Peringkat Akar Umbi** dimana APBM akan **merancang dan menjalankan aktiviti dan program untuk belia** di peringkat daerah dan negeri masing-masing.

**MAJLIS
PERUNDINGAN
BELIA NEGARA/
NEGERI/ DAERAH**

MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA/ NEGERI/ DAERAH

FUNGSI

Fungsi majlis bertindak sebagai perunding dalam hal berhubung dengan pembangunan belia

KEAHLIAN

Majlis hendaklah terdiri daripada anggota berikut:

- a) Menteri sebagai pengerusi
- b) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal belia;
- c) Ketua Pengarah
- d) Seorang wakil setiap Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal belia
- e) Seorang wakil daripada Kementerian yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan
- f) Tidak lebih daripada sepuluh orang wakil daripada agensi kerajaan yang mengendalikan hal ehwal yang ditentukan oleh Menteri
- g) Tidak lebih daripada dua puluh lima orang pegawai Kementerian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal belia yang dilantik oleh Menteri
- h) Semua anggota Anggota Dewan Tertinggi dan Anggota Jawatankuasa Kerja badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan dan;
- i) Tidak lebih daripada dua puluh orang yang pada pendapat Menteri boleh menyumbang secara berkesan kepada pembangunan belia, yang dilantik oleh Menteri

Pengerusi Majlis

- i. Pengerusi majlis
 - a. Menteri boleh melantik secara sementara mana-maan anggota Majlis untuk melaksanakan fungsi Pengerusi bagi tempoh apabila Pengerusi tidak berupaya, disebabkan sakit, cuti atau apa-apa sebab lain untuk melaksanakan fungsinya.
 - b. Anggota yang dilantik sebagai Pengerusi di bawah perkara (1) hendaklah semasa tempoh dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi

Majlis boleh mengundang orang lain ke persidangan atau mesyuarat

- i. Majlis boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana persidangan atau mesyuarat Majlis bagi maksud menasihati atau membantunya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

Tempoh Jawatan Seseorang Ahli

- i. Tempoh jawatan
 - a) Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara perlantikannya, seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(i) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun
 - b) Seseorang majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(i) adalah layak untuk dilantik semula.

Pengosongan Jawatan

Jawatan seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 4 (i) hendaklah menjadi kosong, jika-

- a) Telah dibuktikan terhadapnya atau telah disabitkan apa-apa kesalahan-
 - Yang melibatkan fraud, rasuah, kecurangan atau keburukan akhlak atau
 - Yang boleh dihukum dengan pemejaraan sama ada pemejaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti suatu denda, salaam lebih daripada dua tahun;
- b) Dia didapati tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menjalankan tugasnya
- c) Dia telah diistiharkan bankrap
- d) Dia tidak menghadiri persidangan selama tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran daripada Pengerusi
- e) Dia telah dikenakan perintah tahanan, kediaman terhad, buang negeri atau yang seumpama dengannya di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan keselamatan dan keselamatan awam yang sedang berkuatkuasa;
- f) Perletakan jawatannya diterima oleh Menteri
- g) Pelantikan dibatal oleh Menteri; atau

h) Dia telah mati

Pengisian Kekosongan

- i. Apabila seseorang tidak lagi menjadi anggota Majlis, Menteri boleh melantik orang lain untuk mengisi kekosongan tersebut dan mana-mana orang yang dilantik itu hendaklah memegang jawatan itu selama baki tempoh jawatan itu.

PERSIDANGAN

i. Persidangan majlis

(1) Majlis hendaklah mengadakan persidangannya tidak kurang daripada dua kali setahun pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi

(2) Apa-apa keputusan Majlis hendaklah dibuat secara rundingan

PERLEMBAGAAN/ PERATURAN

Tertakluk kepada Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007..Bahagian V, Seksyen 35.

KEBERKESANAN MENANGANI ISU DAN MASALAH BELIA

MPBN merupakan satu platform di mana belia disemua peringkat dapat menyuarakan pelbagai isu dalam pembangunan belia. Segala permasalahan isu dan cadangan yang relevan dan sesuai akan diangkat dan dibincangkan diperingkat yang lebih tinggi seperti mesyuarat Jemaah Menteri dan Parlimen.

**PROGRAM
PELAYARAN
KAPAL LAYAR
DIRAJA (KLD)
TUNAS
SAMUDERA**

LATAR BELAKANG

1. Kebanyakan kapal yang digunakan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) digunakan untuk tujuan peperangan atau sebagai kapal peronda. Walaubagaimanapun TLDM turut mempunyai kapal untuk tujuan lain seperti latihan kepada orang awam, pelajar sekolah dan universiti serta golongan belia. KLD Tunas Samudera merupakan kapal TLDM yang digunakan untuk tujuan latihan bina semangat kepada orang awam.
2. Pada tahun 1988, Kementerian Pendidikan bagi pihak Kerajaan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Britain telah membiayai pembinaan sebuah kapal layar berharga RM18 juta yang dibuat di Brooke Yachts International Limited, Lowestoft, Suffolk di United Kingdom. Objektif pembelian KLD Tunas Samudera antara lain memberi kesempatan kepada orang awam mencintai warisan maritim negara.
3. Pembiayaan operasi KLD Tunas Samudera dipertanggungjawabkan kepada tiga buah Kementerian iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Kementerian Pertahanan. TLDM pula dipertanggungjawabkan untuk pengendalian segala jenis latihan, operasi dan penyelenggaraan kapal tersebut.
4. Upacara penyerahan bersama KLD Tunas Samudera telah dizahirkan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong ketika itu, Sultan Azlan Shah dan *Her Majesty Queen Elizabeth II* di Pangkalan TLDM Lumut pada 16 Oktober 1989 dengan penuh istiadat tentera laut.

OBJEKTIF

Objektif Program Jati Diri KLD Tunas Samudera ini adalah seperti berikut :

- i) Melahirkan golongan belia dan pegawai/ kakitangan Kementerian Belia dan Sukan yang memiliki jati diri dan semangat patriotisme yang tinggi;
- ii) Menerapkan ciri-ciri kepimpinan dan semangat kerjasama yang tinggi dalam kalangan peserta melalui aktiviti maritim;
- iii) Memupuk ketahanan mental dan fizikal dalam kalangan peserta;
- iv) Memberikan pengalaman menjalani aktiviti maritim di atas Kapal Layar Diraja Tunas Samudera kepada peserta.

KUMPULAN SASAR

- i. Skim Belia - Belia Massa
- ii. Skim Pegawai - Pegawai dan kakitangan KBS

1.1 Kriteria Peserta

- i. Skim Belia
 - a. Warganegara Malaysia;
 - b. Berumur 18 - 30 tahun;
 - c. Sihat tubuh badan dan tidak mempunyai kecederaan lama yang serius;
 - d. Mempunyai ukur lilit pinggang minimum 28 inci;
 - e. Mengosongkan tarikh program sebelum membuat permohonan;
 - f. Mendapatkan pengesahan pertubuhan/ persatuan;
 - g. Mendapat sokongan daripada majikan (bagi yang bekerja).

- ii. Skim Pegawai
 - a. Pegawai / kakitangan Kementerian Belia dan Sukan;
 - b. Berumur 18 – 40 tahun;
 - c. Sihat tubuh badan dan tidak mempunyai kecederaan lama yang serius.

KAEDAH PELAKSANAAN

Pelaksanaan Program Jati Diri KLD Tunas Samudera (Skim Belia) akan mengambil masa 14 hari (10 hari di atas kapal, 3 hari sesi orientasi dan 1 hari Bengkel *Post-Mortem*).

i. Kem Pra-Pelayaran

Kem Pra-Pelayaran diadakan selama 3 hari 2 malam dan tempat untuk Kem Pra-Pelayaran akan ditentukan oleh pihak JBS Negeri Perak. Kem Pra-Pelayaran ini adalah untuk memastikan para peserta diberikan persediaan secukupnya dari segi kemahiran asas pelayaran, mental dan fizikal sebelum mula berlayar serta mengharungi cabaran sepanjang pelayaran di atas KLD Tunas Samudera tersebut.

ii. **Pelayaran**

Skim Belia - akan bermula di Pengkalan TLDM Lumut, Perak dan menuju ke Langkawi, Kedah. Semasa berada di Langkawi para peserta akan terlibat dengan aktiviti di darat yang seperti aktiviti riadah dan *teambuilding*. Kemudian, para peserta akan berlayar pulang ke Lumut, Perak. Tiba sahaja di Pangkalan TLDM Lumut peserta akan bergerak ke KOMBES Perak untuk menjalani Bengkel Post Mortem Program Jati Diri KLD Tunas Samudera

Skim Pegawai – akan bermula di Pangkalan TLDM Lumut, Perak dan menuju ke Belawan di Medan, Indonesia. Kapal akan singgah di Langkawi untuk mengisi minyak dan meneruskan pelayaran. Semasa berada di Medan para peserta akan terlibat dengan aktiviti darat seperti lawatan, riadah dan *teambuilding*. Kemudian, para peserta akan berlayar pulang ke Lumut, Perak. Tiba sahaja di Pengkalan TLDM Lumut peserta akan bergerak ke KOMBES Perak untuk menjalani Bengkel Post Mortem Program Jatidiri KLD Tunas Samudera

iii. **Post Mortem**

Slot ini akan dibuat dalam format bengkel dan ianya bertujuan untuk mendapat maklum balas daripada peserta berkenaan keberkesanan program dan dalam masa yang sama merehatkan mental dan fizikal peserta setelah mengalami mabuk darat sebelum pulang ke tempat masing-masing.

AKTIVITI-AKTIVITI

a) Jadual Pra-Pelayaran KLD Tunas Samudera

HARI	0600 - 0745	0800 - 1000	1030 - 1230	1430 - 1530	1530 - 1630	1700 - 1900	20.30 - 10.30
Hari Pertama			Pendaftaran Peserta	Taklimat & Pengumpulan Borang	Suaikenal & Ujian	Aktiviti Rekreasi	* Pengenalan Kesedaran Maritim
Hari Kedua	Solat & Senaman	Latihan & Kemahiran Orienteering (Aktiviti Merentas Hutan, Latihan Pandu Arah, Absailing)		Taklimat CPR / Save & Rescue	Latihan Kecergasan (Aktiviti Air - 'Water Confident')		Latihan Jenis & Ikatan Tali
Hari Ketiga	Sarapan dan bertolak ke TLDM Lumut						

b) *Jadual Pelayaran KLD Tunas Samudera*

HARI	06.00 - 08.00	09.00	10.00	11.00	12.00	13.00	14.00	15.00	16.00	17.00	18.00	19.00	20.00	21.00	22.00	23.00	
Hari 1		Pendaftaran	Taklimat Keselamatan	Ice Breaking		Solat dan Makan	Ikatan Tali		Pengenalan MKMA		Sessi Bergambar	Solat dan Makan	Penyediaan Motto/Logo/War Cry			Pipe Down	
Hari 2	Wakie-wakie/Solat/Sarapan/Memanjat Menara Utama	Persiapan keluar pelabuhan		Keluar pelabuhan			Kelas mengenal barang dan tali	Teori Pelayaran	Kelas pratikal mengembang dan menggulung layar			Solat dan Makan		Persiapan Moto/Logo/War Cry		Duty & Pipe Down	
Hari 3	Wakie-wakie/Solat/Memanjat Menara Utama		Water Confident				Pertandingan Ikatan tali	Pertandingan MKMA				Solat dan Makan		Pembentangan Moto/Logo/War Cry			
HARI	06.00 - 08.00	09.00	10.00	11.00	12.00	13.00	14.00	15.00	16.00	17.00	18.00	19.00	20.00	21.00	22.00	23.00	
Hari 4	Wakie-wakie/Solat/Sarapan	Teori dan Praktikal membongkar sauh menggunakan takai geladak	Persiapan Kapal dan Memasuki Jeti Pelabuhan				Kelepasan										
Hari 5	Wakie-wakie/Solat/Sarapan	Kelepasan					Kelepasan										
Hari 6	Wakie-wakie/Solat/Sarapan	Kelepasan				Solat dan Makan	Kelepasan										Duty & Pipe Down
Hari 7		Keluar Pelabuhan		Pertandingan mengenal tali dan barang			Pratikal Layar				Pertandingan Layar	Solat dan Makan		General Drill			

Hari 8		Praktikal dan pandu arah falak	Memasuki TPPL	Cucian Kapal		Taklimat Malam Akrab			Kelepasan
Hari 9		Sukan			Keluar Pelabuhan	Pengenalan adar dan tradisi Tentera Laut	Solat dan Makan	Kelas Flashing	
Hari 10		Manning Yardam	Teori dan pratikal membongkar sauh menggunakan takal geladak		Persiapan Malam Akrab		Solat	Malam Akrab	
Hari 11	Wakie-wakie/Solat/Sarapan Manning Yardam dan memasuki TPL	Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil	Cucian Kapal		Pergerakan ke KOMBES Perak				

c) *Jadual Post-Mortem Program KLD Tunas Samudera*

HARI	0600 - 0745	0800 - 1000	1030 - 1230	1430 - 1530	1530 - 1630	1700 - 1900	20.30 - 10.30
Hari Pertama				Bertolak dari TLDM Lumut	Pendaftaran	Taklimat/Makan/Solat	Perbincangan Dalam Kumpulan
Hari Kedua	Solat & Sarapan	Pembentangan dan Rumusan	Majlis Penutup dan Makan Tengahari	Bersurai			

FELO PERDANA

LATAR BELAKANG

Menjelang tahun 2030, sebanyak 46.63% daripada populasi penduduk Malaysia terdiri daripada golongan belia dan anak-anak muda. Berdasarkan kepada peratusan ini, golongan anak muda merupakan kumpulan majoriti yang akan menjadi pemegang taruh penting dalam menentukan dan mencorakkan kepimpinan Negara pada masa hadapan.

Memandangkan golongan anak-anak muda ini sangat penting kepada pembangunan Negara, maka Kementerian Belia dan Sukan optimis untuk terus melaksanakan program kepimpinan berprestasi tinggi secara *mentoring* atau *internship* kepada anak-anak muda ini.

Program ini yang dikenali sebagai Program Felo Perdana melibatkan penyertaan peserta dari kalangan siswazah dan graduan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Sejak diperkenalkan pada tahun 2013 sehingga tahun 2019, seramai 563 orang felo yang terdiri daripada graduan dan siswazah dari universiti dalam dan luar Negara telah menyertai program ini.

Program berbentuk *mentoring* dan *internship* ini merupakan salah satu inisiatif kementerian untuk melahirkan golongan belia yang dinamik, berdaya saing dan mempunyai pengetahuan yang relevan berkaitan sistem pentadbiran Negara serta dapat menghadapi cabaran serta isu-isu semasa pada masa yang akan datang.

Program Felo Perdana menjadi platform bagi melahirkan golongan elit belia yang mampu menjadi pelapis kepimpinan Negara.

OBJEKTIF

- a. Untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan membina keyakinan diri di kalangan graduan dan siswazah
- b. Untuk menyediakan peluang kepada belia Malaysia untuk berkhidmat di sektor awam
- c. Untuk memberi pendedahan mengenai pengurusan dan sistem pentadbiran kerajaan
- d. Sebagai platform kepada belia Malaysia untuk melibatkan diri secara langsung dalam perancangan dan penggubalan dasar kerajaan.

KAEDAH/PROSES PEMILIHAN

- i. Senarai peserta yang layak ditemuduga akan dipilih melalui penilaian profil dan markah esei. Seramai 150 orang yang mempunyai markah terkumpul terbaik akan layak ke pusingan temu duga untuk Felo Perdana.
- ii. Selepas proses temuduga, calon yang terpilih oleh Panel Penilai akan dibawa ke dalam Mesyuarat Pemilihan yang akan di pengkerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara bagi memuktamadkan 82 calon Felo Perdana yang terdiri daripada 41 calon graduan dan 41 calon siswa serta lapan calon tambahan sebagai calon simpanan (jika ada perubahan, tertakluk kepada keputusan mesyuarat)
- iii. Sekretariat akan mengeluarkan surat tawaran kepada semua calon yang terpilih tersebut bagi tujuan lapor diri dan pengesahan kehadiran ke Program Orientasi

KUMPULAN SASAR

1. Kumpulan Sasar Belia

Kategori: Belia Pengajian Tinggi

2. Kumpulan sasar terdiri dari kalangan siswazah dan graduan pusat pengajian tinggi awam dan swasta sama ada dari dalam dan luar Negara
3. Syarat penyertaan
 - a. Warganegara Malaysia berumur di bawah 30 tahun
 - b. Sedang mengikuti pengajian atau telah menamatkan pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi dalam dan luar Negara
 - c. Tahap pendidikan peringkat pengajian Ijazah sarjana muda dan ke atas
 - d. Lulus semua mata pelajaran dalam pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (minimum CGPA 2.0)
 - e. Mempunyai kemahiran komunikasi yang mantap
 - f. Aktif dalam aktiviti ko-kurikulum
 - g. Mempunyai potensi kepimpinan

4. Kriteria felo

- a. Terbuka kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan
- b. Terbuka kepada semua graduan institusi pengajian tinggi, sama ada dalam atau luar Negara, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan.

KAEDAH PELAKSANAAN

1. *Mentor* terdiri dari kalangan Ahli Jemaah Menteri sendiri dan bilangannya ditentukan mengikut portfolio Menteri-Menteri Kabinet pada masa ini iaitu sebanyak 32 termasuk YAB Perdana Menteri. Felo juga akan ditempatkan di bawah Ketua Setiausaha Negara.
2. Pemilihan dan penempatan *mentee* pula berasaskan kepada nisbah 2 orang *mentee* (minimum) bagi setiap *mentor*.
3. Semua *mentee* yang terpilih akan ditempatkan di pejabat Ahli Jemaah Menteri sendiri dan bakal didedahkan dengan proses penggubalan dasar Kerajaan serta perjalanan pelaksanaannya. Penempatan ini akan member peluang kepada mentee untuk mempelajari nilai-nilai dan kemahiran kepimpinan melalui tugas yang diberikan oleh *mentor*.
4. *Mentee* juga akan melaksanakan projek berprofil tinggi di peringkat akar umbi dan member impak yang tinggi kepada masyarakat khususnya kepada golongan belia.

**PROGRAM
PEMBANGUNAN
KEPIMPINAN
PENGUKUHAN
ORGANISASI**

KONSEP

1. Kepimpinan yang baik dan organisasi yang terurus serta cemerlang adalah dua perkara yang berkait rapat. Dua elemen ini amat penting bagi memastikan pertubuhan belia mampu bergerak ke hadapan untuk meneraju inisiatif pembangunan belia. Atas dasar ini, maka Jabatan Belia dan Sukan Negara menerusi Bahagian Pembangunan Belia merancang untuk melaksanakan Kursus Pengurusan Organisasi Peringkat Daerah Tahun 2020.
2. Tujuan utama kursus ini dilaksanakan adalah untuk melahirkan pemimpin baru pertubuhan belia yang mahir dalam bidang pengurusan organisasi, kepemimpinan serta berkebolehan untuk meneraju pertubuhan belia. Hal ini juga sejajar dengan proses transisi kepimpinan yang sedang berlaku selaras dengan pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) berkaitan penurunan had umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun dan penetapan had umur ketua/ pemegang jawatan pertubuhan belia kepada 18 hingga 30 tahun. Pada tahun 2019, seramai 4920 orang peserta telah menyertai kursus ini di peringkat daerah seluruh negara.
3. Melalui kursus ini, peserta akan didedahkan kepada beberapa modul asas dalam urus tadbir organisasi seperti pengurusan kewangan dan dokumentasi, simulasi mesyuarat serta kemahiran komunikasi. Aktiviti dan pengisian yang dijalankan sepanjang kursus ini dijangka akan dapat memberikan input yang berguna dan bermanfaat kepada para peserta. Ini seterusnya akan membantu meningkatkan kecekapan peserta dalam menguruskan organisasi yang disertai serta mampu melaksanakan aktiviti pembangunan belia yang berjaya menarik penglibatan anak muda.

OBJEKTIF

1. Memberi pendedahan dan membimbing peserta dalam urus tadbir pertubuhan belia.
2. Menyediakan pelapis kepimpinan kepada pertubuhan belia selaras dengan proses transisi kepimpinan pertubuhan belia.
3. Meningkatkan keyakinan peserta dalam menguruskan organisasi yang disertai

AKTIVITI

Kaedah Pelaksanaan - Pecahan Kursus

Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) Peringkat Daerah akan dilaksanakan di setiap daerah yang terpilih di seluruh negara. Secara keseluruhan, 72 kursus akan dilaksanakan dengan jangkaan penyertaan seramai 2,880 orang. Perincian agihan sasaran penyertaan adalah seperti jadual di bawah:

Bil	Negeri	Daerah	Sasaran Peserta
1	Perlis	1	40
2	Kedah	7	280
3	Pulau Pinang	4	160
4	Perak	9	360
5	Selangor	5	200
6	WP Kuala Lumpur	7	280
7	Negeri Sembilan	4	160
8	Melaka	3	120
9	Johor	6	240
10	Pahang	6	240
11	Terengganu	4	160

12	Kelantan	6	240
13	Sarawak	5	200
14	Sabah	4	160
15	WP Labuan	1	40
Jumlah Keseluruhan		72	2,880

Jadual 1: Perincian Sasaran Penyertaan

Tarikh dan Tempat Pelaksanaan

- i. Kursus ini akan dilaksanakan selama 3 hari 2 malam dan dijadualkan pada bulan Mac – Julai 2020.
- ii. Tempat pelaksanaan akan ditentukan oleh Pejabat Belia dan Sukan Daerah/ Jabatan Belia dan Sukan Negeri mengikut kesesuaian mana-mana lokasi seperti berikut :
 - a) Kompleks Rakan Muda;
 - b) Pusat-pusat Latihan Awam;
 - c) Kompleks Belia dan Sukan Negeri;
 - d) Institusi-institusi Pengajian Tinggi; dan
 - e) Lain-lain tempat yang dirasakan sesuai.

Metodologi Pelaksanaan

Pelaksanaan kursus ini melibatkan gabungan aktiviti berbentuk ceramah dan perkongsian ilmu termasuk pengurusan dokumentasi (surat menyurat/ penyediaan kertas kerja) serta simulasi pengurusan pertubuhan belia.

- i. Kursus ini akan dikendalikan oleh fasilitator, jurulatih serta penceramah yang berpengalaman/ bertauliah.
- ii. Setiap peserta akan menjalani penilaian yang akan diadakan dari semasa ke semasa seperti berikut:

- a) Penilaian Kumpulan (Cabaran Pasukan);
 - b) Penilaian Kefahaman Pembelajaran (Soalan Objektif);
dan
 - c) Penilaian Individu (Kepimpinan, Komitmen/ Penglibatan, Disiplin, Kerjasama, Ketrampilan).
- iii. Maklumat peserta dan keputusan penilaian perlu diserahkan kepada Bahagian Pembangunan Belia, Jabatan Belia dan Sukan Negara bagi tujuan rekod dalam tempoh 14 hari setelah program selesai dilaksanakan.

KERJASAMA RAKAN KONGSI

Kursus Pengurusan Organisasi Peringkat Daerah ini akan dianjurkan oleh Pejabat Belia dan Sukan Daerah/ Jabatan Belia dan Sukan Negeri dengan kerjasama beberapa agensi awam dan persatuan/ pertubuhan yang dirasakan sesuai seperti berikut:

- a) Majlis Belia Negeri;
- b) Majlis Belia Daerah;
- c) Lain-lain persatuan belia yang berdaftar dengan Pejabat Pertubuhan Belia (ROY);
- d) Institut Pengajian Awam/ Swasta/ Politeknik/ Kolej Komuniti; dan
- e) Lain – lain agensi yang sesuai di peringkat daerah/ negeri.

CONTOH PROGRAM PEMANTAPAN PENGURUSAN ORGANISASI

Modul dan pengisian yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Suai Kenal & Pembentukan Kumpulan;
- b) Kepimpinan, Pemimpin & Pengikut;
- c) Cabaran Pasukan;
- d) Visi Komunikasi;
- e) Penulisan & Dokumentasi;
- f) Simulasi Mesyuarat; dan
- g) Pengurusan Kewangan

ISU DAN CABARAN DALAM MENGEKURUSKAN ORGANISASI BELIA SECARA BERKESAN

Dalam melaksanakan KPO Tahap 1 ini pelbagai isu, masalah dan cabaran yang timbul dalam memastikan kelancarannya. Berikut merupakan isu, masalah dan cadangan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan:

BIL	ISU DAN MASALAH	CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN
1.	Peserta tidak lancar di dalam pengucapan awam	Dicadangkan wujudkan modul pengucapan Awam.
2.	Jangka masa kursus yang terhad dan padat	Penambahan bilangan hari dan modul-modul kepimpinan yang bersesuaian dalam memastikan keberkesanan kursus.
3.	Masalah pengangkutan peserta	Penambahan peruntukan bagi pengangkutan dipertimbangkan. Pihak kementerian mencadangkan supaya pelaksanaan program boleh dibuat di dalam negeri yang sama juga yang masih mempunyai tarikan tersendiri. Pada masa yang sama dapat mengurangkan kos pengangkutan tersebut.
4.	Peserta yang hadir tidak mengikut syarat yang ditetapkan.	Urusetia di peringkat negeri perlu lebih prihatin terhadap syarat-syarat penyertaan yang telah ditetapkan. Ada di antara daerah yang mengambil peserta bukan dari kalangan sasaran peserta yang ditetapkan.
5.	Kuota penyertaan tidak penuh	Peserta menarik diri pada saat-saat akhir menyebabkan terdapat sebahagian kursus tidak mencapai sasaran sebanyak 40 orang peserta. Urusetia di peringkat negeri perlu memanggil lebih daripada 40 orang peserta sebagai persediaan awal sekiranya ada peserta yang tidak dapat menghadiri program pada saat-saat akhir. Bilangan peserta adalah penting kerana ianya merupakan unjuran KPI kepada program.

6.	Pemilihan lokasi projek	Pekeliling baru dikeluarkan oleh Kementerian mengenai larangan menganjurkan program di hotel/ resort menyebabkan urusetia negeri perlu menukar lokasi kursus yang telah dirancang kepada ILA. Pertukaran lokasi ke ILA juga memberi kesan kepada jumlah penyertaan peserta dan memberi kesukaran kepada urusetia negeri dalam mencari peserta kerana kekurangan daya tarikan lokasi kursus.
7.	Tiada kesinambungan peserta lepas tamat KPO Tahap 1	<p>Perlu ada kesinambungan program selepas KPO Tahap 1 ini supaya bakat peserta dalam bidang kepimpinan dapat lebih digilap.</p> <p>KPO Tahap 2 dan KPO Tahap 3 perlu diadakan supaya pelapis kepimpinan belia dapat dilahirkan dan selaras dengan transisi kepimpinan umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun.</p>
8.	Kurang penglibatan pemimpin persatuan belia	<p>Penerangan jelas kepada pemimpin persatuan belia berumur di bawah 30 tahun berhubung kepentingan program ini dan hubungkaitnya dengan proses transisi kepimpinan pertubuhan belia.</p> <p>Menjadikan KPO sebagai salah satu syarat untuk terlibat di dalam program-program kompetensi kepimpinan yang lebih tinggi.</p>
9.	Laporan dan pelaksanaan program yang tidak mengikut perancangan/ SOP yang diedarkan.	<p>Satu sesi penerangan kepada semua pegawai negeri yang terlibat perlu dibuat sekurang-kurangnya setahun sekali. Dicadangkan kursus pendek selama 3 hari 2 malam kepada pegawai-pegawai. Ini penting dalam meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan yang lebih jelas dalam mencapai objektif program itu sendiri.</p>

ANUGERAH PERDANA BELIA NEGARA

OBJEKTIF

Objektif Majlis Penyampaian Anugerah Belia Perdana Belia Negara ialah:

- i. Memartabatkan Anugerah Perdana Belia Negara sebagai program utama sempena sambutan Minggu Belia Negara
- ii. Menggalakkan penglibatan para belia dalam kerja-kerja sukarela yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat
- iii. Anugerah Perdana Belia Negara sebagai medan penyerlahan dan pengiktirafan terhadap potensi dan inovasi belia dan Pertubuhan Belia ke arah pembangunan masa depan Negara.

KATEGORI

Kategori Anugerah Perdana Belia Negara

1. Pertubuhan Belia
2. Individu Lelaki
3. Individu Wanita
4. Emas Remaja Perdana
5. Anugerah Khas

Kategori Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Negeri

1. Pertubuhan Belia
2. Individu Lelaki
3. Individu Wanita

KAEDAH PERMOHONAN DAN SYARAT PENCALONAN

Kategori Persatuan

Syarat-syarat umum pencalonan (Negeri / Kebangsaan)

1. Berdaftar ROY – Penyertaan terbuka kepada mana-mana pertubuhan belia yang berdaftar dibawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia
2. Star Rating – Pertubuhan mempunyai ‘star rating’ bertaraf sekurang-kurangnya tiga (3) bintang
3. MYKD – Pertubuhan menghantar kesemua maklumat-maklumat sepertimana yang dikehendaki (MYKD, Perlembagaan Persatuan) di bawah Akta 688 untuk sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun berturut-turut.
4. Maklumat Sah – Pertubuhan yang didapati member maklumat palsu kan ditolak penyertaannya secara serta-merta.

Kategori Individu

Syarat-syarat umum pencalonan (Negeri / Kebangsaan)

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur 15 hingga 40 tahun pada 15 Mei tahun penganugerahan (pada tahun 2021 had umur 15-30 tahun)
3. Calon hanya layak bertanding dalam 1 kategori sahaja
4. Calon yang dikemukakan di peringkat kebangsaan hendaklah mempunyai skor minimum 80%
5. Pencalonan di sokong oleh Pejabat Belia dan Sukan Daerah / Jabatan Belia dan Sukan Negeri
6. Calon wajib mengemukakan Borang Pencalonan, Resume, Kad Pengenalan, Sijil Penyertaan, Surat akuan beserta gambar dan Laporan Pencapaian
7. Calon yang didapati member maklumat palsu dan mengelirukan akan ditolak penyertaannya secara serta-merta.

KRITERIA PENILAIAN

Proses Pemilihan

- ✚ Panel Penilaian Anugerah dilantik oleh J/K induk dan berfungsi untuk meneliti, menilai calon
- ✚ Calon APBN adalah pemenang diperingkat Negeri / boleh sama ada melalui Borang Pencalonan oleh pihak individu sendiri

Penilaian dan Pemilihan Pemenang

- ✚ Melalui maklumat dalam Borang pencalonan, pembentangan dan temuduga oleh Panel Penilai Anugerah

Keputusan

- ✚ Panel penilai anugerah akan mengemukakan calon pemenang kepada Jawatankuasa Induk APBN bagi tujuan pengesahan.

IMPAK TERHADAP PEMBANGUNAN DAN PERGERAKAN BELIA

- ✚ Pengiktirafan dan penghargaan kepada belia dan pertubuhan belia yang menyumbang dalam pembangunan belia Malaysia..
- ✚ Menggalakkan belia untuk terus memberi sumbangan kepada pembangunan belia di peringkat akar umbi.

PEMBANGUNAN USAHAWAN BELIA

MAKSUD USAHAWAN

- Istilah usahawan dalam bahasa Inggeris ialah “entrepreneur”.

- Istilah “entrepreneur” berasal daripada bahasa Perancis “entreprendre” - Richard Cantillon (1755) yang merujuk kepada “ Memikul sesuatu tugas “
- Usahawan ialah individu atau kumpulan individu yang menubuhkan atau menerajui sesuatu entiti perniagaan sendiri serta berusaha mengembangkan perniagaannya dari masa ke semasa.
- Usahawan juga membawa maksud orang yang mengusahakan sesuatu perniagaan. Usahawan ditakrifkan sebagai orang yang mengendalikan sesebuah perniagaan dan mengambil risiko perniagaan yang diceburinya.
- McClelland (1961) menyatakan usahawan sebagai berdaya inovatif dan kehendak pencapaian tinggi (high need for achievement).
- Usahawan berjaya cenderung ke arah mengambil risiko yang telah direncanakan dan mempunyai kawalan dalaman yang tinggi (Schumpeter (1934), mentakrifkan usahawan sebagai individu yang melakukan pembaharuan atau inovasi untuk kesejahteraan organisasinya sendiri. Beliau menyatakan terdapat beberapa pembaharuan yang dilakukan oleh individu usahawan tersebut.

MATLAMAT PROGRAM USAHAWAN BELIA

- Meningkatkan pengetahuan para belia berkaitan dengan peluang-peluang berkaitan program, skim, dana dan program-program strategik keusahawanan.
- Meningkatkan minat para belia untuk memilih bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan mereka.
- Meningkatkan pengetahuan para usahawan belia dalam kemahiran menguruskan perniagaan secara sistematik dan teratur.
- Membimbing dan membantu usahawan belia untuk mengatasi masalah perniagaan mereka.
- Mengembangkan potensi dan perniagaan para belia melalui kerjasama dan jaringan perniagaan bagi mengembangkan perniagaan mereka.

CONTOH-CONTOH PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN YANG DIJALANKAN

a. Kursus Rancangan Perniagaan

- b. Kursus Pengurusan Pemasaran
- c. Kursus Pengurusan Kewangan
- d. Kursus Digital Online Business

ISU DAN CABARAN DALAM MEMBANGUNKAN EKONOMI USAHAWAN BELIA

- a. Tiada modal yang mencukupi
- b. Tiada kemahiran asas dalam perniagaan
- c. Kekurangan bantuan bersasar kepada golongan peniaga belia yang memerlukan
- d. Kegagalan belia sendiri mengeksploitasi peluang dan ruang yang ada

KEPENTINGAN KAEDAH PEMASARAN YANG EFEKTIF UNTUK MENINGKATKAN JUALAN PRODUK

- a. Membolehkan prospek mengenal produk syarikat
- b. Meningkatkan jualan sesebuah syarikat
- c. Meningkatkan reputasi syarikat

KEWUJUDAN AKADEMIK PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (APBM) SEBAGAI *CENTRE OF EXCELLENCE* PENYEDIA LATIHAN KEUSAHAWANAN

- Sebagai sebuah negara yang mempunyai Dasar Keusahawanan Negara, sudah pasti di peringkat akar umbi amnya dan pelbagai kementerian kerajaan khususnya telah mewujudkan Centre Of Excellence dalam bidang keusahawanan
- Salah satu COE yang diwujudkan termasuklah APBM Batu Gajah
- Sebagai COE Keusahawanan, APBM Batu Gajah berperanan sebagai penyedia Latihan Keusahawanan bagi KBS kepada para belia di seluruh negara
- Tidak terhad kepada penyedia latihan keusahawanan sahaja, APBM Batu Gajah juga menjadi pakar rujuk kepada agensi-agensi kerajaan negeri dalam membangunkan modal insan belia berniaga di negeri-negeri
- Para pegawai di APBM Batu Gajah juga sentiasa bersedia dalam membantu para usahawan belia samada sebelum, semasa dan juga selepas sesuatu kursus itu berlangsung

KEPENTINGAN RANCANGAN PERNIAGAAN & KEWANGAN DALAM KEUSAHAWANAN

- a. memberi peluang kepada usahawan memikirkan keseluruhan proses perniagaan dan menilai semula idea agar dapat mencapai matlamat.
- b. Sebagai panduan kepada usahawan dalam menjalankan perniagaan
- c. Membantu usahawan mengagihkan sumber-sumber yang ada dengan sistematik
- d. Mengurangkan risiko kegagalan dalam perniagaan

KEPENTINGAN PROGRAM AGROMAKANAN SEBAGAI SALAH SATU PILIHAN PERNIAGAAN

Sektor agromakanan merupakan sektor yang penting bukan sahaja dalam memastikan sekuriti makanan Negara terjamin, malah member manfaat besar kepada pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan pendapatan kumpulan sasar, terutamanya golongan petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda.

Bagi menjaga kepentingan program agromakanan 3 strategi di lasanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan:

Strategi 1 : Peningkatan Pendapatan dan menjaga Kebajikan Petani

Inisiatif:

1. Melaksanakan Program Sumber Kekayaan Baharu
2. Memperkasakan penglibatan petani dalam industry hiliran
3. Menjana pendapatan melalui projek pertanian rakyat
4. Mengkaji tanaman alternative di luar musim
5. Pelancaran skim perlindungan agromakanan (SPA)
6. Mengurus tanah petani secara optimum mengikut kesesuaian tanah

Strategi 2: Pembangunan kapasiti Petani, Nelayan dan Usahawan Tani yang mampan

Inisiatif:

1. Membangunkan keupayaan petani, nelayan dan usahawan tani

Strategi 3: Pembangunan Agropreneur Muda dalam bidang Agromakanan

Inisiatif:

1. Menubuhkan Majlis Agropreneur Muda (MAM) Kebangsaan
2. Meningkatkan Keupayaan Agropreneur Muda

PEMAHAMAN TENTANG KEPENTINGAN JATIDIRI DALAM PERNIAGAAN

CONTOH-CONTOH PROGRAM

- a. KURSUS RANCANGAN PERNIAGAAN
- b. KURSUS PENGURUSAN PEMASARAN
- c. KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN
- d. KURSUS DIGITAL ONLINE BUSINESS

KURSUS RANCANGAN PERNIAGAAN

LATAR BELAKANG

1. Mengilmukan usahawan belia merupakan antara fokus utama APBM dan menjadi platform utama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk

menyasarkan lebih ramai lagi belia menjadikan bidang keusahawanan untuk menjana pendapatan dalam pembentukan ekonomi sendiri yang lebih efektif.

2. Justeru itu bagi merealisasikan harapan tersebut, Cawangan Pengurusan dan Konsultasi telah merangka Kursus Rancangan Perniagaan sebagai medium utama dalam usaha untuk memberi gambaran utama bagaimana sesebuah projek atau perniagaan itu mampu berdaya saing, maju dan dapat memberikan keyakinan untuk diberikan pelaburan dan pembiayaan oleh agensi dan jabatan yang mempunyai dana dan sumber pembiayaan untuk usahawan.
3. Rancangan perniagaan atau ringkasnya RP ialah sebuah dokumen bertulis yang memberi keterangan berkenaan perniagaan atau projek yang hendak dijalankan secara menyeluruh.
4. Rancangan Perniagaan memberi gambaran sama ada projek yang dirancang usahawan berdaya maju atau tidak. Membantu usahawan menganggarkan keperluan sumber – sumber perniagaan dan mengagihkannya dengan baik.

OBJEKTIF

Objektif program adalah seperti berikut:

1. Membantu para belia dalam penyediaan kertas kerja/Kertas Rancangan Perniagaan
2. Meningkatkan pengetahuan dalam pemasaran, kewangan dan pengurusan sumber manusia
3. Membimbing dan membantu peniaga belia dalam mengenalpasti masalah dalam memulakan perniagaan
4. Memberi kefahaman tentang peluang-peluang perniagaan dan kemungkinannya

PENYERTAAN

1. Kumpulan Sasar Belia
Kategori Belia Massa

2. Belia yang telah memulakan perniagaan antara 1 hingga 3 tahun
 - 1.1. Belia yang berumur antara 18 hingga 40 tahun
 - 1.2. Belia yang ingin mengembangkan lagi perniagaan
 - 1.3. Belia IPTA/IPTS
3. Jumlah Penyertaan : 40 orang bagi setiap program.

KAEDAH PELAKSANAAN

Peringkat Pelaksanaan program adalah seperti berikut:

Bil	Peringkat Pelaksanaan	Bil. Program
1.	Zon Utara	1
2.	Zon Utara	1
3.	Zon Pantai Timur	1
4.	Zon Borneo	1

LOKASI DAN MASA

Dilaksanakan di Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) Batu Gajah, Perak dan premis agensi kerajaan seperti di Kompleks Belia dan Sukan dan Institusi Latihan Awam.

PENGISIAN PROGRAM

Pengisian Program merangkumi:

- i. Ceramah dan teori
- ii. Latihan amali dan latihan dalam kumpulan
- iii. Sesi *coaching*
- iv. Sesi pembentangan Rancangan Perniagaan

BIDANG KURSUS

Berikut merupakan bidang-bidang yang boleh dilaksanakan di bawah program Kursus Rancangan Perniagaan.

- i. Pertanian / Tanaman

- ii. Ternakan
- iii. Makanan dan Minuman
- iv. Akuakultur
- v. Peruncitan

Kertas Rancangan Perniagaan yang telah disiapkan akan disemak oleh penceramah daripada Institut Pembangunan Usahawan (CEDI) Universiti Utara Malaysia (UUM) yang telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) dengan APBM Batu Gajah, Perak.

KERJASAMA RAKAN STRATEGIK

Rakan Strategik:

Program dilaksanakan dengan kerjasama Institut Pembangunan Usahawan (CEDI) Universiti Utara Malaysia (UUM).

SASARAN *OUTCOME*

Melalui kursus ini peserta mendapat pendedahan berkenaan kepentingan penyediaan kertas kerja rancangan perniagaan untuk dikemukakan kepada pihak bank dan agensi-agensi yang lain. Peserta juga dapat meningkatkan lagi pengetahuan dalam aspek pengurusan sumber manusia pemasaran, operasi dan kewangan, Selain itu juga dapat mengenalpasti masalah-masalah dalam memulakan perniagaan

KURSUS PENGURUSAN PEMASARAN

LATAR BELAKANG

1. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk membantu para belia dalam memahami sepenuhnya pelanggan dan pasaran yang diterokai, strategi pasaran, segmentasi dan orientasi pasaran, kepuasan pelanggan terhadap produk, pembinaan jenama yang berkualiti dan kukuh dalam pasaran.
2. Memberikan kefahaman tentang konsep pemasaran melalui pelbagai medium seperti secara langsung dan aplikasi teknologi semasa.
3. Membolehkan peserta merancang strategi- strategi pemasaran berkesan

OBJEKTIF

Objektif program adalah seperti berikut:

1. Memberi kefahaman tentang konsep pemasaran yang ideal berteraskan scenario perniagaan.
2. Membolehkan peserta merancang strategi-strategi pemasaran yang berkesan.
3. Membolehkan peserta menyediakan belanjawan pemasaran dengan baik dan tersusun.
4. Memberi kefahaman tentang peluang-peluang perniagaan dan kemungkinannya.

PENYERTAAN

1. Kumpulan Sasar Belia
Kategori Belia Massa
2. Belia yang telah memulakan perniagaan antara 1 hingga 3 tahun
 - 1.1. Belia yang berumur antara 18 hingga 40 tahun
 - 1.2. Belia yang ingin mengembangkan lagi perniagaan
 - 1.3. Belia IPTA/IPTS
3. Jumlah Penyertaan : 40 orang bagi setiap program.

KAEDAH PELAKSANAAN

Peringkat Pelaksanaan program adalah seperti berikut:

Bil	Peringkat Pelaksanaan	Bil. Program
1.	Zon Utara	1
2.	Zon Utara	1
3.	Zon Pantai Timur	1
4.	Zon Borneo	1

LOKASI DAN MASA

Dilaksanakan di Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) Batu Gajah, Perak dan premis agensi kerajaan seperti di Kompleks Belia dan Sukan dan Institusi Latihan Awam.

PENGISIAN PROGRAM

Pengisian Program merangkumi:

- i. Ceramah dan teori
- ii. Latihan amali dan latihan dalam kumpulan
- iii. Penyelidikan pemasaran
- iv. Sesi pembentangan penyelidikan pemasaran

BIDANG KURSUS

Berikut merupakan bidang-bidang yang boleh dilaksanakan di bawah program Kursus Pengurusan Pemasaran.

- i. Kosmetik
- ii. Kesihatan
- iii. Makanan dan minuman ringan
- iv. Tekstil (pakaian)

KERJASAMA RAKAN STRATEGIK

Rakan Strategik:

Program dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Harta Intelek (MyIPO), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

SASARAN OUTCOME

Melalui kursus ini peserta dapat memahami sepenuhnya kehendak pelanggan dan pasaran yang diterokai serta strategi pasaran produk. Peserta juga lebih memahami segmentasi dan orientasi pasaran, dan kepuasan pelanggan terhadap produk yang dihasilkan. Secara tidak langsung informasi dan khidmat nasihat bagaimana untuk pembinaan jenama yang berkualiti dan kukuh dalam pasaran dapat diperolehi dengan maklumbalas daripada pelanggan melalui penyelidikan pemasaran yang berkesan.

 **KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN**

LATAR BELAKANG

1. . Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk membantu para belia dalam penyediaan kertas kerja rancangan kewangan disamping meningkatkan pengetahuan para belia dalam aspek pengurusan kewangan termasuk merekod data kewangan seterusnya membantu para belia dalam mengenalpasti masalah-masalah dalam memulakan perniagaan.
2. Meningkatkan pengetahuan pengurusan kewangan.
3. Membimbing dan membantu peniaga belia dalam mengenalpasti masalah dalam memulakan perniagaan.

OBJEKTIF

Objektif program adalah seperti berikut:

1. Memberi maklumat serta kesedaran ke atas semua peserta tentang cabaran serta peluang dalam bidang perniagaan secara menyeluruh terutama dalam kepentingan pengurusan kewangan yang baik serta berhemah.
2. Memberi pengetahuan serta pemahaman kepada peserta berkenaan asas pengurusan kewangan perniagaan serta pengenalan 'template' penyata kewangan secara berkumpulan.
3. Memberi kefahaman kepada peserta tatacara pengurusan dokumen dan merekodkan semua transaksi perniagaan secara tepat dan sistematik
4. Memberi pemahaman dan pengetahuan kos-kos yang perlu diambilkira di dalam pelaksanaan sesuatu projek iaitu secara langsung dan juga tidak langsung
5. Mengetahui dan memahami kepentingan Penyata Aliran Tunai (PAT), kemasukan dan pengeluaran transaksi tunai dalam perniagaan.

PENYERTAAN

1. Kumpulan Sasar Belia
Kategori Belia Massa
2. Belia yang telah memulakan perniagaan antara 1 hingga 3 tahun
 - 1.1. Belia yang berumur antara 18 hingga 40 tahun
 - 1.2. Belia yang ingin mengembangkan lagi perniagaan
 - 1.3. Belia IPTA/IPTS
3. Jumlah Penyertaan : 40 orang bagi setiap program.

KAEDAH PELAKSANAAN

Peringkat Pelaksanaan program adalah seperti berikut:

Bil	Peringkat Pelaksanaan	Bil. Program
1.	Zon Utara	1
2.	Zon Utara	1
3.	Zon Pantai Timur	1
4.	Zon Borneo	1

LOKASI DAN MASA

Dilaksanakan di Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) Batu Gajah, Perak dan premis agensi kerajaan seperti di Kompleks Belia dan Sukan dan Institusi Latihan Awam.

PENGISIAN PROGRAM

Pengisian Program merangkumi:

- i. Ceramah dan teori
- ii. Latihan amali dan latihan dalam kumpulan
- iii. Sesi coaching
- iv. Sesi pembentangan kertas kerja

BIDANG KURSUS

Berikut merupakan bidang-bidang yang boleh dilaksanakan di bawah program Kursus Rancangan Perniagaan.

- i. Pertanian / Tanaman
- ii. Pakaian
- iii. Makanan dan Minuman
- iv. Akuakultur
- v. Peruncitan

KERJASAMA RAKAN STRATEGIK

Rakan Strategik:

Program dilaksanakan dengan kerjasama Institut Pembangunan Usahawan (CEDI) Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

SASARAN OUTCOME

Melalui kursus ini peserta dapat mengetahui langkah-langkah penyediaan kertas kerja rancangan kewangan disamping meningkatkan pengetahuan para belia dalam aspek pengurusan kewangan. Peserta lebih memahami tatacara merekod data kewangan perniagaan dengan lebih berkesan serta mengenalpasti permasalahan yang wujud akibat daripada kegagalan pengurusan kewangan dalam perniagaan.

LATAR BELAKANG

1. Kursus ini adalah bertujuan memberi latihan dan bimbingan kepada belia berkaitan keusahawanan. Pelaksanaan kursus ini perlu kepada belia – belia sentiasa mendapat maklumat-maklumat dan trend terkini dalam perniagaan digital seiring dengan keperluan dan kehendak semasa dalam menceburi bidang keusahawanan. Konsep keusahawanan yang sentiasa berubah mengikut trend terkini merupakan cabaran baru yang wujud dalam kalangan usahawan dalam menghadapi dunia perniagaan pada masa kini. Dengan adanya kursus ini, semua jabatan/agensi yang terlibat bersama-sama membantu usahawan belia meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam perniagaan digital ini.

OBJEKTIF

Objektif program adalah seperti berikut:

- i) Memberi pendedahan dan kemahiran ilmu perniagaan digital kepada para belia melalui teori dan praktikal.
- ii) Membantu usahawan melihat peluang- peluang perniagaan dalam bentuk perkhidmatan dalam talian yang menjadi trend pada masa kini.
- iii) Meningkatkan pendapatan kepada usahawan belia dalam memasarkan produk atau perkhidmatan yang dijalankan melalui perniagaan dalam talian.
- iv) Membangunkan usahawan yang lebih berdaya saing dan berkeupayaan untuk menjadi usahawan berjaya di masa hadapan.

PENYERTAAN

1. Sasaran Peserta

- i) Pelajar IPTA/ IPTS / IKBN dan Pusat Latihan Kemahiran
- ii) Kumpulan Sasar Belia daripada Jabatan Kerajaan / Agensi (JKM / MARA/ PUNB/ SME CORP/ MARDI dan lain-lain lagi)
- iii) Kategori Belia Massa / Persatuan Belia Setempat

2. Kriteria Peserta

Kriteria peserta adalah seperti berikut:

- i. Belia yang berumur antara 18 hingga 30 tahun;
 - ii. Berminat atau baru memulakan perniagaan atau telah menjalankan perniagaan
3. Jumlah Penyertaan: 40 orang bagi setiap program.

KAEDAH PELAKSANAAN

Peringkat Pelaksanaan program adalah seperti berikut:

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Bil. Program
1.	Zon	3

Lokasi dan Masa

Dilaksanakan di Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) Batu Gajah Perak dan juga premis agensi kerajaan yang berkaitan dengan modul kursus yang dilaksanakan mengikut tarikh perancangan yang telah ditetapkan oleh pihak (APBM) Batu Gajah Perak. Kursus dilaksanakan selama 3 hari 2 malam.

Pengisian Program

Pengisian kursus merangkumi:

- i. Pengenalan kursus
- ii. Ceramah teori;
- iii. Latihan amali dan perbincangan;
- iv. Latihan Praktikal dalam talian; dan
- v. Pembentangan Projek dalam talian

Bidang kursus

Berikut merupakan bidang-bidang yang boleh dilaksanakan di bawah Kursus *Business Online*:

- i. Kursus Business Online -Facebook , atau
- ii. Kursus Business Online -Instagram, atau
- iii. Kursus Business Online -Shopee, atau
- iv. Kursus Business Online –Facebook Advance

Modul khusus yang akan dilaksanakan oleh Pegawai Latihan Cawangan Bimbingan dan Motivasi, Akademi Pembangunan Belia Malaysia, Batu Gajah Perak bersama penceramah luar yang dilantik oleh pihak APBM bagi tujuan penyelarasan.

KERJASAMA RAKAN STRATEGIK

Rakan strategik:

Program dilaksanakan dengan kerjasama penyertaan peserta daripada agensi di bawah JBS Negeri, MARA / JKM / SME CORPS / PUNB / MARDI / JKOA dan Persatuan Belia Setempat.

Penyedia Latihan

Penceramah bertauliah yang dilantik oleh pihak APBM mestilah berkaitan bidang kursus yang dijalankan dan perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Mempunyai profil penceramah yang lengkap.
(Salinan sijil akademik yang diiktiraf atau lain-lain sijil berkaitan dengan pengalaman dalam bidang berkaitan).

SASARAN OUTCOME

Kursus ini bertujuan untuk menggalakkan dan melahirkan golongan belia untuk menjadi usahawan online yang berjaya. Sasaran *outcome* kursus ini adalah memastikan peserta yang baru atau telah menjalankan perniagaan dapat menggunakan platform *business digital online* sebagai platform utama untuk memasarkan produk dan perkhidmatan dengan lebih berkesan.

LATAR BELAKANG

4. Program ini merupakan kursus peringkat asas kepada usahawan belia bagi memberi pendedahan dan pemahaman khusus mengenai teknologi tanaman, ternakan, perikanan, dan industri asas tani (IAT). Bersesuaian dengan slogan 'Pertanian adalah perniagaan', selain dari teknologi pertanian, usahawan tani juga hendaklah peka terhadap *trend* masa kini bagi memenuhi citarasa dan permintaan pengguna yang sentiasa berubah dan sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran yang wujud dalam dunia perniagaan.
5. Bagi mencapai hasrat tersebut, KBS akan bekerjasama dengan agenda-agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar, NGO atau pemain industri yang mengusahakan projek-projek yang berkaitan bagi mengendalikan program ini.
6. Tujuan utama program ini adalah untuk menyalurkan teknologi terkini yang digunakan dalam pelaksanaan projek pertanian, ternakan, perikanan dan industri asas tani supaya kualiti dan pengeluaran hasil dapat ditingkatkan dan mampu bersaing dengan produk-produk lain di pasaran.
7. Adalah diharapkan dengan terlaksananya program ini akan dapat membantu usahawan belia tani menambah pengetahuan teknikal serta pengurusan projek pertanian, dan seterusnya mampu mengembang dan meningkatkan hasil kualiti pengeluaran dan jualan di pasaran yang lebih kompetitif.

OBJEKTIF

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Memberi pendedahan kepada peserta mengenai:
 - a) Amalan Pertanian Baik atau *Good Agricultural Practice (GAP)*
 - b) Falsafah, konsep dan teknik asas pengurusan projek
 - c) Kaedah pengiraan kos untung rugi sesuatu projek
 - d) Kepentingan pengurusan kawalan penyakit dan perosak
 - e) Penyediaan media tanaman dan sistem pengairan
- ii. Membina keyakinan dalam menghadapi cabaran dalam bidang keusahawanan tani; dan
- iii. Membina rangkaian perniagaan dalam kalangan peserta.

PENYERTAAN

4. Kumpulan Sasar Belia
Kategori Belia Massa
5. Kriteria Peserta
Kriteria peserta adalah seperti berikut:
 - iii. Belia yang berumur antara 18 hingga 30 tahun;
 - iv. Berminat atau baru memulakan projek-projek pertanian; dan
 - v. Keutamaan kepada yang mempunyai tanah/tapak untuk diusahakan (milikan sendiri/sewa/pajak)
6. Jumlah Penyertaan: 30 orang bagi setiap program.

KAEDAH PELAKSANAAN

Peringkat Pelaksanaan program adalah seperti berikut:

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Bil. Program
1.	Kebangsaan	3
2.	Zon	3

Lokasi dan Masa

Dilaksanakan di premis agensi kerajaan atau penggiat industri yang berkaitan dengan modul kursus yang dilaksanakan pada waktu hujung minggu memandangkan sebahagian peserta tidak dapat menghadiri program jika dilaksanakan pada hari bekerja. Kursus dilaksanakan selama 4 hari 3 malam.

Pengisian Program

Pengisian kursus merangkumi:

- vi. Ceramah teori;
- vii. Latihan amali dan perbincangan;
- viii. Rancangan perniagaan;
- ix. Lawatan ke tapak projek sedia ada; dan
- x. Pendaftaran peserta sebagai Agropreneur Muda

Bidang kursus

Berikut merupakan bidang-bidang yang boleh dilaksanakan di bawah program Kursus *Youth Agrotech*:

- v. Tanaman, atau
- vi. Ternakan ruminan, atau
- vii. Ternakan bukan ruminan, atau
- viii. Akuakultur, atau
- ix. Produk industri asas tani (IAT), atau
- x. Projek perkhidmatan sokongan

Modul khusus yang akan dilaksanakan ditentukan bersama pegawai Unit Belia Tani, Cawangan Pembangunan Ekonomi, Bahagian Pembangunan Belia, Jabatan Belia dan Sukan Negara bersama penyedia latihan bagi tujuan penyelarasan.

KERJASAMA RAKAN STRATEGIK

Rakan strategik:

Program dilaksanakan dengan kerjasama agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) atau penyedia latihan/ penggiat industri/ NGO yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkaitan.

Penyedia Latihan

Penyedia latihan/penggiat industri berkaitan bidang kursus yang dijalankan perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- ii. Mempunyai lesen perniagaan;
- iii. Mempunyai Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- iv. Mempunyai premis perniagaan/ tapak projek – keutamaan kepada yang mempunyai tapak projek berkaitan;
- v. Mempunyai sijil kelulusan atau berpengalaman dalam bidang berkaitan.

SASARAN OUTCOME

Kursus ini bertujuan untuk menggalakkan dan melahirkan golongan belia untuk menjadi usahawan tani. Sasaran *outcome* program ini adalah peserta yang telah atau baru sahaja memulakan projek pertanian untuk mendaftarkan diri sebagai Agropreneur Muda dan memohon geran *In-Kind-Contribution* (IKC) anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), di mana peserta yang berjaya akan mendapat bantuan dalam bentuk *input* projek.

KURSUS REKABENTUK DAN PELABELAN PRODUK

LATAR BELAKANG

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Selain daripada mewujudkan peluang pekerjaan, IKS juga berfungsi sebagai perangsang kegiatan keusahawanan negara.

Dalam era globalisasi ini, IKS menghadapi saingan dari dalam dan luar negara. Oleh itu penggiat IKS haruslah peka dengan perubahan teknologi dan *trend* semasa yang berkaitan dengan produk mereka agar sentiasa dapat bersaing dalam pasaran yang kompetitif.

Kebanyakan produk dalam kalangan usahawan IKS adalah berkualiti tinggi, namun aspek pembungkusan masih belum mencapai piawaian yang dikehendaki. Pembungkusan ditakrifkan sebagai sains, seni dan teknologi untuk melindungi dan memelihara kualiti sesuatu barangan semasa penghantaran, penyimpanan dan pameran.

Dalam pemasaran, aspek pembungkusan produk merupakan salah satu perkara yang perlu diberikan perhatian. Malah aspek pembungkusan dianggap sebagai 'P' yang kelima dalam *marketing mix* selepas 4P (*Product, Price, Place* dan *Promotion*) yang lazim dipraktik sebagai strategi pemasaran.

Definisi ringkas pemasaran adalah 'seni menjual produk', yang boleh diaplikasikan ke dalam aspek pembungkusan produk. Ia memerlukan inisiatif usahawan untuk melaksanakan inovasi tertentu bagi mencapai tahap kesempurnaan produk yang hendak dijual. Walaupun produk mempunyai kualiti yang baik, namun sekiranya pembungkusan tidak menarik dan tidak mematuhi peraturan, produk mungkin sukar bersaing terutama sekali di peringkat global yang lebih kompetitif.

Dalam menentukan kaedah pembungkusan sesuatu produk, aspek yang paling penting biasanya ialah berfungsi sebagai *container* yang akan memuat dan melindungi produk supaya selamat dan tidak rosak. Namun, pada masa yang sama, kaedah pembungkusan perlu juga mengambil kira beberapa aspek lain serta berperanan antaranya seperti:

- Mempromosi produk melalui *visual* (rekabentuk, warna, lukisan, grafik dan sebagainya) yang dapat memberi *impression* yang baik kepada pengguna.
- Memperkenalkan indentiti korporat/syarikat melalui logo atau jenama.
- Memberi maklumat tentang produk (bahan, berat/bilangan kandungan, cara guna, logo halal dan sebagainya).
- Mematuhi peraturan dan perundangan yang ditetapkan pihak berkuasa.

- Mudah untuk dibawa melalui pengangkutan dan penyimpanan (bahan, saiz dan bentuk pembungkusan)
- Kesesuaian faktor kos.

Oleh itu, kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan khususnya mengenai kaedah rekabentuk, pembungkusan, pelabelan, pembangunan jenama, peraturan dan undang-undang pembungkusan, bersesuaian dengan trend dan cita rasa pengguna pada masa kini.

OBJEKTIF

Objektif kursus adalah seperti berikut:

- i. Memberi pendedahan kepada para usahawan tentang piawai rekabentuk pembungkusan yang mengikut keperluan dan kesesuaian produk yang dipasarkan;
- ii. Memberi pendedahan berkaitan kaedah pembungkusan dan pelabelan, pembangunan jenama, peraturan dan undang-undang yang terlibat di dalam penghasilan sesuatu produk untuk dipasarkan ke peringkat yang lebih tinggi;
- iii. Memberi pendedahan tentang keperluan dan kepentingan persijilan halal dalam perusahaan berasaskan makanan; dan
- iv. Menyediakan peluang rangkaian perniagaan sesama usahawan.

PENYERTAAN

Kumpulan Sasar Belia
Kategori Belia Massa

Kriteria Peserta

Kriteria peserta adalah seperti berikut:

- i. Usahawan belia yang berumur antara 18 hingga 30 tahun;
- ii. Pengusaha projek yang berasaskan industri asas tani (makanan dan minuman) yang mempunyai produk;
- iii. Peserta yang menyertai program wajib membawa produk untuk penilaian pembungkusan produk semasa bengkel.

Jumlah Penyertaan: 30 orang bagi setiap program

KAEDAH PELAKSANAAN

Peringkat pelaksanaan program adalah seperti berikut:

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Bil. Program
1.	Kebangsaan	2
2.	Zon	3

Lokasi dan Masa

Dilaksanakan di premis agensi kerajaan atau penggiat industri yang berkaitan dengan modul kursus yang dilaksanakan pada waktu hujung minggu memandangkan sebahagian peserta tidak dapat menghadiri program jika dilaksanakan pada hari bekerja. Kursus dilaksanakan selama 3 hari 2 malam.

Pengisian Program

Pengisian kursus merangkumi:

- i. Ceramah teori;
- ii. Bengkel
- iii. Kajian pasaran

8. Modul latihan

Berikut merupakan modul-modul yang dilaksanakan:

- i. *Trend* pembangunan dan cabaran dalam pembangunan produk
- ii. Cabaran usahawan dalam membangunkan perniagaan
- iii. Keperluan sijil halal
- iv. Pembangunan produk melalui pembungkusan dan penjenamaan
- v. Keperluan pelabelan dan *barcode* dalam pembungkusan
- vi. Kepentingan dan keperluan mendaftarkan cap dagangan dalam pembangunan perniagaan

Modul khusus yang akan dilaksanakan ditentukan bersama pegawai Unit Belia Tani, Cawangan Pembangunan Ekonomi, Bahagian Pembangunan Belia, Jabatan Belia dan Sukan Negara bersama penyedia latihan bagi tujuan penyelarasan.

KERJASAMA RAKAN STRATEGIK

Rakan strategik:

Program dilaksanakan dengan kerjasama SIRIM Bhd. atau syarikat yang mempunyai kepakaran dalam bidang rekabentuk pembungkusan dan pelabelan.

Penyedia Latihan

Penyedia latihan/penggiat industri berkaitan bidang kursus yang dijalankan perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Mempunyai lesen perniagaan;
- ii. Mempunyai Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia

- iii. Mempunyai premis perniagaan/ tapak projek – keutamaan kepada yang mempunyai tapak projek berkaitan
- iv. Mempunyai sijil kelulusan atau berpengalaman dalam bidang berkaitan

SASARAN OUTCOME

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan khususnya mengenai kaedah rekabentuk dan *trend* pembungkusan, pelabelan, pembangunan jenama, peraturan dan undang-undang, serta kepentingan pensijilan halal dan pendaftaran cap dagangan. Program ini mensasarkan peserta mendapat kefahaman tentang pembungkusan produk yang bersesuaian dengan jenis produk, mematuhi peraturan dan mengikut *trend* pasaran pada masa kini.

PROGRAM “KBS ENTREPRENEURSHIP PAVILLION”

OBJEKTIF

- i. Menyediakan platform bagi menyebarkan maklumat dan pendedahan kepada usahawan Belia Bumiputera mengenai peluang mengeksport produk dan perkhidmatan di luar negara;
- ii. Memberi peluang dan pendedahan prosedur/ tatacara eksport, khidmat nasihat dan fasilitasi pembiayaan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan dan agensi pembiayaan;
- iii. Menyediakan platform yang bersepadu kepada syarikat belia Bumiputera untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti eksport produk dan perkhidmatan ke luar negara; dan
- iv. Menggalakkan penglibatan lebih ramai syarikat Belia Bumiputera terlibat dalam aktiviti perniagaan dipasaran antarabangsa.

KONSEP PELAKSANAAN

- i. Program *KBS Entrepreneur Pavilion* merupakan kerjasama MATRADE dan KBS dengan memberi peluang kepada syarikat – syarikat usahawan yang terpilih untuk mempamerkan produk selama satu(1) tahun di Pusat Pameran Eksport Malaysia atau MEEC yang mempunyai keluasan 4,500 meter persegi dan direka bentuk untuk mempamerkan dan mempromosi pelbagai produk dan perkhidmatan hasil pengeluaran tempatan.
- ii. Pihak MATRADE bersetuju untuk menyediakan ruang tapak khas kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk dijadikan sebagai ruang Pavillion KBS dengan keluasan 100 meter kaki persegi yang boleh memuatkan seramai 8 Syarikat usahawan.

 **KURSUS PENGKHUSUSAN PERNIAGAAN INSENTIF YOUTH COLLECTIVE – PROGRAM TIADA DI CPE**

 **PROGRAM OUTREACH USAHAWAN BELIA – PROGRAM TIADA DI CPE**

 **UJIAN PSIKOMETRIK - PROGRAM TIADA DI CPE**

**UNIT
PEMERKASAAN
EKONOMI
BUMIPUTERA
(UPEB)**

FUNGSI DAN PERANAN

-TIDAK LAGI DILAKSANAKAN-

PROGRAM PENGANTARABANGSAAN BELIA

(RUJUK BHA)